

NTU lancar 8 program AI baharu untuk golongan pertengahan kerjaya

Diterbitkan : 14 Mar 2026 07:43PM

Dikemas Kini : 14 Mar 2026 07:45PM



Gambar fail seorang pelajar berjalan di depan sebuah papan tanda di Universiti Teknologi Nanyang. (Gambar: CNA/Calvin Oh)

SINGAPURA: Karyawan pertengahan kerjaya yang ingin meningkatkan kemahiran atau beralih ke peranan baharu kini boleh menyertai lapan program baharu yang tertumpu kepada kecerdasan buatan (AI) yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Kursus-kursus NTU itu bertujuan memenuhi permintaan yang meningkat terhadap kemahiran AI merentasi pelbagai industri.

Dijalankan antara tiga hingga enam bulan, terdapat kursus yang memberi tumpuan kepada Kejuruteraan AI serta reka bentuk pengalaman pengguna dikuasakan AI.

Mereka yang mendaftar boleh beralih ke kerjaya seperti jurutera aplikasi AI atau jurutera integrasi.

Menteri Negara Kanan di Pejabat Perdana Menteri Desmond Tan berkata, AI sedang membentuk semula tempat kerja.

Pekerja perlu menumpukan perhatian kepada kemahiran insani seperti pemikiran kritis, daya kreativiti dan komunikasi.

Ini, kata Encik Tan, akan membantu mereka untuk kekal relevan dalam era AI.

"AI akan terus berkembang, pekerjaan akan terus berubah, dan kemahiran kita akan luput pada satu ketika.

"Namun, apa yang memastikan pekerja kekal relevan ialah sikap ingin tahu agar terus belajar, meningkatkan kemahiran dan belajar semula - untuk bertanya soalan, lakukan eksperimen dan juga menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu," kata Encik Tan.

<https://berita.mediacorp.sg/singapura/ntu-lancar-8-program-ai-baharu-untuk-golongan-pertengahan-kerjaya-1014586>